



جَبَاتِن كَحَاكِمِن شَرْعِيَّة مَالِيسِيَا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA

Blok C, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Persint 3 62100 PUTRAJAYA

Tel :603-88709200 / 9201

Faks : 603-8870 9500

Portal Rasmi :

www.iksm.gov.my

Ruj.Kami:JKSM.600-1/2/4 JLD 8 (25)

Tarikh : 11 Syaaban 1446H

: 10 Februari 2025

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,

Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri.


ARAHAN AMALAN NO.2 TAHUN 2024
PERMOHONAN PENANGGUHAN KES ATAS PELBAGAI ALASAN
TERMASUKLAH ALASAN MELALUI PENGEMUKAAN SIJIL CUTI SAKIT

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 5hb. Jamadilawal 1446H bersamaan 7hb. November 2024 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan Permohonan Penangguhan Kes Atas Pelbagai Alasan Termasuklah Alasan Melalui Pengemukakan Sijil Cuti Sakit.

1. Permohonan tersebut tidak diluluskan/ diterima secara automatik melainkan setelah mendapat kebenaran Mahkamah. Mahkamah hendaklah menetapkan tarikh dan masa prosiding berikutnya, jika penangguhan dibenarkan. Mahkamah boleh mengaward kos kepada pihak yang menanggung kerugian atas penangguhan tersebut.
2. Hakim boleh meluluskan permohonan penangguhan tersebut di mana-mana peringkat prosiding sama ada di peringkat pengurusan kes, sebutan atau di peringkat prosiding perbicaraan, manakala Pendaftar pula boleh meluluskan permohonan penangguhan tersebut bagi peringkat prosiding pengurusan kes atau sebutan kes/ prosiding perbicaraan dengan kebenaran Hakim.

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2001: Penangguhan Kes dan Arahan Amalan No.3 Tahun 2004: Penangguhan kes Atas Alasan Cuti Sakit adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta merta.



(DATO' HJ MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA